



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 32
Bil. 21

13hb Oktober 1988

TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 13.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN)
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen *Akta 171.*
102 (s) dan 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat, dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta Persendirian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1988.** *Nama.*

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

“kenderaan motor” ertinya setiap jenis kenderaan yang dijalankan oleh pesawat yang terkandung di dalamnya dan dibina atau dipadankan supaya dapat digunakan di atas jalan dan tidak termasuk terela, motosikal, basikal, beca dan kereta roda tiga dan sebarang kenderaan lain yang tidak digerakkan oleh pesawat;

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di dalam tempat letak kereta untuk meletak sebuah kenderaan motor;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau badan berkanun atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

"tempat letak kereta persendirian" ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri atau Persekutuan dan digunakan untuk meletak sepuluh buah kenderaan motor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada pembayaran sama ada bagi setiap jam atau selainnya.

- Lesen dikehendaki. 3. Tiada seseorang boleh mengendalikan sesuatu tempat letak kereta persendirian kecuali ia mempunyai lesen yang sah yang diberikan bagi maksud itu di bawah undang-undang kecil ini.
- Bayaran lesen. 4. (i) Bayaran yang kena dibayar untuk mendapatkan lesen adalah sepertimana yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama dan adalah tertakluk kepada semakan semula oleh Majlis dari masa ke semasa.
- (ii) Sesuatu lesen melainkan digantung atau dibatalkan terlebih awal hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31hb Disember berikutan tarikh kuatkuasa lesen itu.
- (iii) Sesuatu lesen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tidak boleh mengendalikan melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.
- Permohonan untuk mendapatkan lesen. 5. (i) Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengendalikan tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua di dalam Borang A Jadual Kedua dengan syarat bahawa, ianya tidak akan digunakan bagi pembaharuan lesen tersebut.
- (ii) Yang Dipertua boleh bagi pihak Majlis meluluskan pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen.
- Kebersihan. 6. (i) Setiap pemegang lesen hendaklah menjaga kebersihan tempat letak kereta persendiriannya pada setiap masa.
- (ii) Setiap pemegang lesen hendaklah menyediakan bekas sampah yang cukup di tempat letak kereta persendiriannya.
- Pindaan dan tambahan. 7. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan bilangan lot letak kereta di dalam tempat letak kereta persendiriannya kecuali dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.
- Halangan. 8. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk menentukan bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang sempurna di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendiriannya.
- Kegunaan lain tidak dibenarkan. 9. Pemegang lesen tidak boleh mengguna atau membezar digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendiriannya untuk apa-apa maksud selain daripada untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.

10. Pemegang lesen hendaklah menyediakan pencabayaan yang cukup dan jika ianya tempat letak kereta yang berbumbung, ganti udaraan yang cukup hingga memuaskan Yang Dipertua. Pencabayaan.
11. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua arahan yang diberi oleh Majlis dan pihak polis untuk menentukan bahawa kawalan keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendirian. Keselam
12. Pemegang lesen hendaklah menentukan— Pencegah
kebalakran
- (a) bahawa tangga dan jalan keluar disenggara dengan sempurna;
- (b) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan
- (c) bahawa setiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah;
- di dalam tempat letak kereta persendirian.
13. Yang Dipertua dan mana-mana pegawai Majlis yang diperkuasa olehnya boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi tujuan menentukan sama ada— Kuasa
memasuki.
- (a) tanah atau premis itu sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa lesen yang sah diberi berkenaan dengannya; atau
- (b) kesalahan di bawah undang-undang kecil ini telah dilakukan.
14. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah bersalah atau suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disabitkan.

JADUAL PERTAMA
(Undang-undang kecil 4 (i))
BAYARAN LESEN

<i>Bilangan lot letak kereta setiap tempat letak kereta</i>	<i>Bayaran yang Kena Dibayar</i>
10-25	\$100.00 setahun atau sebahagian daripadanya
26-50	\$200.00 setahun atau sebahagian daripadanya
51 dan ke atas	\$300.00 setahun atau sebahagian daripadanya

JADUAL KEDUA
BORANG A
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN

1. Butir-butir pemohon:
- (i) Nama Penuh.....
- (ii) No. Kad Pengenalan.....
- (iii) Alamat Pos:.....

2, Butir-butir mengenai tanah dan bangunan di mana kenderaan motor akan disimpan:

- (i) Nama pemilik yang berdaftar.....
.....
- (ii) No. Lot.....
- (iii) Jumlah bilangan lot letak kereta di mana kenderaan akan disimpan.....
- (iv) Tempat.....
- (v) Sertakan pelan tapak yang menunjukkan—
 - (a) keluasan dalam ukuran meter tempat letak kereta persendirian.....
 - (b) keluasan dalam ukuran meter bangunan di mana kenderaan motor akan disimpan.....
.....
 - (c) keluasan dalam ukuran meter setiap lot letak kereta.....
.....
 - (d) bilangan kenderaan motor yang akan disimpan.....
.....

.....
Tandatangan Pemunya

Tarikh.....

Saksi:

Nama.....

Alamat.....

No. Kad Pengenalan.....

(Jika pemohon bukanlah pemilik yang berdaftar bagi tanah itu, kebenaran pemilik yang berdaftar mestilah diperolehi.)

Saya membenarkan tanah saya digunakan untuk tujuan menyimpan kenderaan motor.

.....
Tandatangan pemilik yang berdaftar

No. Kad Pengenalan.....

Saksi:

Nama.....

Alamat.....

No. Kad Pengenalan.....

Diperbuat pada 11hb Februari 1988,

DATUK ZAINOL ABIDIN BIN DATO' HAJI SALLEH,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,
Pulau Pinang

Disahkan pada 27hb Julai 1988.
[PSUK/PP/004.5.1.8; JHEU/UK/TLKP/1.]
[PU/PP 1126.BHG, 20.]

NG WEE KOK,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang